



KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN





PERBADANAN
PRIMA MALAYSIA



TELUK INTAN
BANDAR
PRIMA

Merealisasi Impian Komuniti Lestari





TELUK INTAN BANDAR PRIMA

Selamat datang ke sebuah perbandaran mampan yang pertama dari PRIMA. Teluk Intan menjadi lokasi pilihan sebagai pencetus ekonomi baharu di Perak.

Perbandaran ini menjanjikan gaya hidup holistik dan kemudahan yang kondusif. Di Bandar PRIMA Teluk Intan, kemampunan bukan sekadar matlamat, tetapi komitmen. Reka bentuk kediaman juga menawarkan ruang dalaman yang luas dengan siling yang lebih tinggi, mewujudkan suasana yang lapang dan tenang. Nikmati pelbagai aktiviti rekreasi di taman-taman hijau untuk kesejahteraan komuniti.

PRIMA turut menerapkan ciri-ciri modenisasi di dalam perbandaran ini seperti rumah pintar, penggunaan tenaga solar, restoran pandu lalu, kompleks komersial dan perhubungan internet jalur lebar.



SEBUAH BANDAR YANG DIRANCANG DENGAN TELITI UNTUK MEMBENTUK KOMUNITI YANG HARMONI

Sebuah pembangunan kediaman pertama di Teluk Intan yang memperkenalkan gaya hidup eksklusif berkonsepkan taman lengkap dengan fasiliti komuniti demi kemudahan dan kesejahteraan penduduk.





SEBUAH BANDAR KOMPREHENSIF DAN TERANCANG


Bandar Mini PRIMA Teluk Intan terletak di lokasi strategik melalui Jalan Teluk Intan-Bidor membolehkan hab pembangunan baharu ini berkembang lebih pesat. Ia juga mudah diakses ke bandar utama dan kemudahan lain sedia ada di Teluk Intan. Ia bakal menjadi mercu tanda terkenal yang memenuhi gaya hidup idaman setiap lapisan masyarakat.

KELUASAN TANAH

142.6 Ekar

LOKASI

Teluk Intan,
Mukim Durian Sebatang, Perak



KEMUDAHAN



*Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
(Pembangunan akan datang)

0.3km



Kolej Vokasional (Pertanian) Teluk Intan

1.7km



KWSP Teluk Intan

3.2km



Hospital Teluk Intan

3.5km



Universiti Teknologi MARA (UiTM) Teluk Intan, Fakulti Perubatan

4km



Lotus's Teluk Intan

5.8km




Ibu Pejabat Polis Daerah Teluk Intan

6km



Bandar Teluk Intan

7km





PELAN TAPAK

Perbandaran ini direka dalam fasa yang disusun secara sistematik, memastikan akses kediaman, komersial dan kawasan rekreasi yang lancar.

KOMPONEN PEMBANGUNAN

Jumlah Unit Kediaman


Anggaran 1,500 Unit

Jumlah Unit Komersial

81 Unit Komersial & 2 Tapak Komersial

Kemudahan

Dewan Serba Guna, Masjid, Tadika, Taska, Medan Selera & Taman Rekreasi



PETUNJUK

Fasa 1C	Fasa 2	Fasa 3
Fasa 4	Fasa 5	Lanskap
Teres 1 Tingkat	Kolam Takungan	Kolam Tadahan
Lot Komersial	Rumah Contoh	

*Pelan Induk & Pelan Fasa adalah tertakluk pada perubahan dan kelulusan berkenaan.



CIRI-CIRI UTAMA & UNIK BANDAR PRIMA TELUK INTAN

Nikmati gaya hidup 5 bintang yang mampu dimiliki di Bandar PRIMA Teluk Intan. Dengan adanya pelbagai komponen kemudahan komuniti yang baik serta persekitaran yang nyaman, ia bakal menjadi pusat komersial membangun di bandar Teluk Intan.



Pembangunan
BANDAR PRIMA
pertama di Malaysia



Kombinasi pembangunan
bercampur meliputi
kediaman teres dan unit
komersial perniagaan



Persekitaran diindahakan
dengan kedamaian
taman tasik



Penggunaan tenaga
solar, nadi hijau dan
kemudahan taman
rekreasi




Reka bentuk kediaman
dilengkapi tandas
mesra warga emas



Kawasan kediaman
dilengkapi Kaunter
Pandu Lalu restoran
makanan segera



Reka bentuk ketinggian
silang yang lebih tinggi
(3300mm)





**PEMBANGUNAN YANG MENAWARKAN
GAYA HIDUP KONTEMPORARI**



**MEWUJUDKAN KOMUNITI
LESTARI**



**MENINGKATKAN
NILAI**



**MEMBANGUNKAN
EKONOMI**



RESTORAN PANDU LALU



Memberikan kemudahan kepada ahli komuniti dan pelanggan.

Menjimatkan masa dan proses pembelian pantas.

Waktu operasi 24 jam.

Pilihan efisien keluarga moden.

Memastikan keselamatan dan keselesaan pelanggan.

Menyediakan peluang pekerjaan dan penjanaan ekonomi tempatan.



DILENGKAPI PELBAGAI FASILITI KOMUNITI

Salah satu ciri utama projek ini ialah penekanan kepada gaya hidup sihat. Pembangunan ini menggabungkan kawasan kehijauan, kawasan rekreasi, menyediakan persekitaran yang aman dan sihat untuk aktiviti luar dan berhubung dengan alam semula jadi.






TANDAS INKLUSIF WARGA EMAS



Menerapkan reka bina praktikal di mana tandas inklusif dan mesra warga emas ini dapat memberikan kehidupan yang lebih selesa.

Memudahkan penggunaan tandas bagi penghuni yang telah berusia.



SKIM JAMINAN PEMBIAYAAN DARI CAGAMAS

Cagamas menawarkan penyelesaian pembiayaan perumahan, termasuk pembiayaan hijau, khususnya untuk memenuhi keperluan pembeli rumah bagi semua projek PRIMA.

Cagamas SRP 





ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG)

Pertimbangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) telah diintegrasikan dalam pembangunan ini yang mencerminkan komitmen PRIMA terhadap kelestarian, kesejahteraan komuniti, dan amalan perniagaan yang beretika. Dengan menerapkan elemen-elemen ESG seperti amalan pembinaan hijau, penjimatan tenaga, inisiatif penglibatan komuniti, dan piawai pentadbiran yang telus, pembangunan ini menunjukkan pendekatan holistik terhadap pembinaan bandar yang memberi keutamaan kepada kelestarian dan tanggungjawab sosial.




Nod Hijau

Lanskap dan kawasan hijau diletakkan di sekitar tapak untuk mencipta suasana alam semula jadi



Keterangkuman

Unit kediaman direka untuk memenuhi pelbagai peringkat pendapatan, menyokong kepelbagaian dan kemampuan beli untuk komuniti yang majmuk.



Integrasi Digital

Alat penghuni pintar untuk pengurusan yang lebih baik dan lebih telus.



Sistem Binaan Berindustri (IBS)

Sistem Binaan Berindustri (IBS) akan diterapkan untuk mengurangkan sisa pembinaan dan pencemaran semasa pembinaan.




Integrasi Sosial

Kawasan guna sama seperti taman, taman permainan, dan ruang pasar malam dicadangkan untuk membolehkan penglibatan komuniti dan aktiviti sosial.



Pembangunan Bersepadu

Penyediaan kemudahan dan kemudahan serta elemen komersial untuk memastikan kelestarian dan kecekapan penggunaan tanah. Penerimaan Indeks Bangunan Hijau (GBI).





RUMAH TERES SATU TINGKAT Kediaman - Fasa 1A

Reka Bentuk Moden

Unit kediaman dalam pembangunan ini menampilkan reka bentuk seni bina moden dan kontemporari untuk gaya hidup terkini.

Seni bina yang anggun dan bergaya, serta susun atur dalaman yang praktikal, mencerminkan komitmen PRIMA dalam menyediakan kediaman yang moden dan selesa.

Estetika reka bentuk moden dan praktikal ini juga dapat mencipta daya tarikan yang menawan, serta meningkatkan nilai pembangunan ini pada masa hadapan.



Teres 1 Tingkat | 20'x70'




RUMAH TERES SATU TINGKAT

Ilustrasi Dalaman

SILING YANG LEBIH TINGGI UNTUK KEDIAMAN YANG LUAS

Kediaman di dalam pembangunan ini direka dengan siling yang lebih tinggi (3.3 meter) bagi memberikan memberikan efek keluasan dan keterbukaan di pelbagai ruang. Ciri reka bentuk ini bukan sahaja meningkatkan daya tarikan rumah tetapi juga memperbaiki pengudaraan dan penembusan cahaya semula jadi, menyumbang kepada persekitaran hidup yang selesa. Siling yang lebih tinggi juga menambah rasa kemewahan dan kecanggihan.





RUMAH TERES SATU TINGKAT

Kediaman - Fasa 1A

3 
Bilik Tidur

2 
Bilik Air


Ruang dapur terasing

Aliran pengudaraan yang baik

Penjimatan tenaga

Pencahayaan terus daripada matahari

Kehidupan selesa dengan ruang yang luas





HAB KOMERSIAL DAN PERNIAGAAN

Pembangunan ini merangkumi pusat komersial dan perniagaan yang menyediakan akses mudah kepada kemudahan penting seperti kedai, restoran, kafe, dan perkhidmatan lain kepada para penduduk.

Ini mewujudkan suasana yang meriah dan aktif dalam sesebuah perbandaran, serta meningkatkan kualiti hidup komuniti. Penduduk dapat menikmati perkhidmatan dan kemudahan dalam jarak yang dekat dari kediaman mereka, sambil memupuk sifat berk komuniti.



LOT KOMERSIAL DUA TINGKAT

Keluasan Binaan
20' x 70'

Keluasan Binaan
22' x 90'

Keluasan Binaan
110' x 50'




LOT KOMERSIAL DUA TINGKAT

Lot Komersial - Fasa 1A




Keluasan Binaan
20' x 70'

Tingkat Bawah



Tingkat Atas






LOT KOMERSIAL DUA TINGKAT

Lot Komersial - Fasa 1B




Keluasan Binaan
22' x 90'

Tingkat Bawah





Tingkat Atas





LOT KOMERSIAL DUA TINGKAT

Lot Komersial - Fasa 1B





TELUK INTAN
**BANDAR
PRIMA**

Merealisasi Impian Komuniti Lestari

Rumah Kita, Komuniti Kita

#StrongerTogether #UnityInDiversity #DemiPertwi



Aspirasi
#PRIMAKITA



www.pr1ma.my 🔍



PRIMAHOMES